

BAB III

PENTADBIRAN

Untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai pentadbiran wakaf dinegeri ini, eloklah digariskan penubuhan dan kuasa Majlis dan lain-lain badan dibawahnya.

Majlis Ugama Islam Kedah.

Majlis Ugama Islam Kedah, ditubuhkan dengan resminya pada 1hb Januari, 1965,¹ apabila berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah, 1962.² Enakmen ini ialah undang-undang yang membatalkan Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam pada ketika itu dan mengadakan syarat-syarat bagi mengaturkan pentadbiran hal ehwal Ugama Islam. Penubuhan Majlis ialah untuk menolong dan menasihati Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan didalam perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan Ugama Islam didalam negeri ini.³ Majlis mempunyai taraf badan berkanun⁴ dan dengan ini iaanya tertakluk kepada undang-undang persatuan seperti yang termaktub didalam Akta Syarikat 1965. Misalnya, Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama tubuhnya.⁵ Majlis juga mempunyai kuasa menjadi pihak kepada sesuatu kontrek, memperolehi, membeli, mengambil, menegang dan

1. Fail Majlis (53) Dlm Ugama (K) 9/65 Jilid 2.

2. Undang-Undang Negeri Kedah, No. 9, Tahun 1962.

3. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah, 1962 (No.9), s.4.

4. Ibid, S.5

5. Ibid, S.6

meniliki harta alih dan takalih, dan boleh menukar, memberi, menyerah, melepaskan, mencagar, menggadai, newasiat, memberi semula, memindah atau dengan lain-lain cara menyelesai atau menyelenggarakan sebarang harta alih dan takalih yang terserahnilik kepadanya mengikut apa-apa syarat yang nampak patut kepadanya dan menurut Hukum Syarak.¹

Selanjutnya Majlis mempunyai kuasa menjadi wasi atau penguasa (pentadbir) harta pesaka seseorang Islam yang mati atau sebagai nazir amanah bagi mana-mana amanah.² Semua hartabenda (alih dan takalih) yang terserahnilik kepada Majlis **sebelum** berkuatkuasanya Enekmen tersebut hendaklah terserahnilik kepada Majlis tanpa sebarang pertukaran nama, pemberian atau pemindahan apapun, apabila berkuatkuasanya Enekmen ini. Ini bererti bahawa harta-harta benda Majlis dahulunya dengan **tersendiri** berpindahnilik kepada Majlis apabila berkuatkuasanya Enekmen ini.³

Enekmen ini juga menperuntukkan bahawa DYMM boleh menerintahkan supaya harta alih dan takalih yang terserahnilik kepada mananama orang atau pihak yang berkuasa didalam negeri ini bagi maksud Ugama Islam sebelum berkuatkuasanya Enekmen ini, diserahnilik kepada Majlis.⁴ Dengan ini bermakna segala wakaf yang dibuat sebelum berkuatkuasanya Enekmen ini hendaklah diserahnilik kepada Majlis.

1. Ibid, S.7

2. Ibid, S.8

3. Ibid, S.10(1)

4. Ibid, S.10(2)

Majlis ialah penegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf sanada wakaf am atau wakaf khas yang terletak didalam negeri ini dan juga bagi semua wakaf yang dibuat oleh orang-orang Islam yang berdomisil dinegeri ini walau-pun harta-harta itu terletak diluar negeri.¹ Senua harta yang diamanahkan kepada Majlis hendaklah diserahnilik kepada Majlis². Jika harta-harta ini terletak diluar negeri ini, maka hendaklah Majlis menzambil segala langkah yang perlu supaya harta-harta ini berserahnilik kepadanya³.

Kecuali beberapa peruntukan didalam Bab Kewangan, Enakmen tidak menperuntukkan apakah undang-undang wakaf sebenarnya. Ia hanya mengandungi peruntukan-peruntukan bagi mentadbirkan wakaf dinegeri ini.

Setelah melihat kuasa-kuasa am Majlis berhubung dengan hartabonda, maka eloklah diketahui keanggotaannya dan pihak-pihak yang menduduki jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan olehnya sebelum meneroka kuasa-kuasanya nengenai wakaf. Disini penulis bertujuan untuk menyentuh hanya peruntukan-peruntukan yang borkaitan dengan wakaf.

Keanggotaan Majlis⁴

Majlis terdiri dari:

- a) Yang dipertua
- b) Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Ugama

-
1. Ibid, S.90(2)
 2. Ibid, S.91(1)
 3. Ibid, S.91(2)
 4. Ibid, S.11(1)

- c) Kadhi Besar
- d) Pentadbir Sekolah-Sekolah Ugama Islam
- e) Setiausaha Jawatankuasa Zakat
- f) Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf
- g) Sekalian orang-orang lain yang difikirkan patut
yang akan diangkat oleh DYMM.¹

Perlantikan ahli-ahli Majlis, selain dari ahli-ahli yang bersifat perjawatan (*ex-officio members*) adalah untuk tempoh tiga tahun dari tarikh perlantikan itu. Ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Ennekmen ini dan jika ada sesuatu yang berlawanan didalam suratan perlantikan.² Mana-mana ahli Majlis boleh dilantik semula apabila tamat tempoh keanggotaannya.³

Sesorang ahli boleh dibatalkan perlantikannya oleh DYMM jika:

- a) perangainya samada berkaitan dengan kewajipan-kewajipan perlantikan itu atau lain-lainnya pada fikiran DYMM akan membawa kekejadian kepada Majlis, atau
- b) dengan kerana apa-apa sebab ia tidak upayai menjalankan kewajipan-kewajipan perlantikan itu dengan betul, atau
- c) jika ia dengan tidak apa-apa sebab yang betul yang diluluskan oleh Yang diPertua tidak nenghaziri didalam persidangan Majlis tiga kali berturut-turut.⁴

1. Ibid., Pindian Tahun 1963, Jilid 6. Bil.2.

2. Ibid., S.11(3)

3. Ibid., S.11(4)

4. Ibid., S.14

Ahli-ahli Majlis bersidang dari masa kesemasa untuk menentukan sesuatu hal (biasanya bersangkut paut dengan pentadbiran Ugaria Islam). Mesyuarat dipanggil oleh Setiausaha atas arahan dan budibicara Yang diPertua didalam masa 14 hari setelah ia (Setiausaha) mendapat arahan.¹ Notis tujuh hari sekurang-kurangnya hendaklah diberi kepada ahli-ahli, kecuali didalam perkara darurat.² Setiausaha mempunyai tugas-tugas menjaga **segala** surat-menyerat dan surat-surat kepunyaan Majlis iaitu termasuk segala buku kira-kira dan segala surat-surat memiliki tanah, surat-surat tukar nama dan cagaran dan annya hendaklah bertanggungjawab atas segala kutipan dan pentadbiran wang Majlis dengan betul-betulnya dan hendaklah pula didalam segala hal yang lain, menjalankan tanggungan yang diletakkan keatasnya oleh undang-undang itu atau diuntukkan kepadanya dengan perintah Yang diPertua.³ Minit-minit mesyuarat dibukukan dan disimpan oleh Setiausaha.⁴ Segala resolusi yang dibuat didalam mesyuarat Majlis hendaklah mendapat persetujuan DYMM sebelum ianya boleh dijalankan.⁵ Enakn juga memperuntukkan bahawa salinan resolusi yang disahkan oleh Setiausaha adalah menjadi salinan yang betul daripada resolusi ini dan hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi dan semua Mahkamah hendaklah mengiktirafkannya.⁶ Didalam mana-mana perbicaraan dinahkiah

1. Ibid., S.22

2. Ibid., S.22(5)

3. Ibid., S.24

4. Ibid., S.25(1) dan (2)

5. Ibid., S.25(3)

6. Ibid., S.27

yang ditubuhkan dibawah undang-undang ini, Majlis boleh menghazirinya dengan diwakili oleh Yang diPertua atau Setiausaha atau seorang yang dilantik bagi maksud itu.¹ Dengan kuasa-kuasa dan tugas-tugas diatas dapatlah digariskan proses yang dilalui oleh sesuatu permozonan kepada Majlis untuk newakafkan sesuatu harta-benda. Segala ketetapan mengenai wakaf boleh didapati didalam buku ninit Majlis seperti yang diperuntukkan didalam Seksyen 25.

Majlis membuat ketetapan atau keputusan mengenai peraturan-peraturan dan perjalanan pentadbiran Undang-Undang Islam di-dalam negeri ini. Ianya tidak menentukan apa-apa krusyikan mengenai Undang-Undang Islam sebenarnya. Tugas ini diselenggarakan oleh Jawatankuasa Fatwa yang juga ditubuhkan dibawah Enekmen ini.

Jawatankuasa Fatwa

Enekmen memeruntukkan bahawa DYMM Sultan boleh, setelah mengadakan rundingan dengan Majlis, melantik seorang yang patut dan layak menjadi Pengerusi Jawatankuasa Fatwa.² Tugasnya ialah mempererusikan semua nesyuarat Jawatankuasa itu.³

Jawatankuasa Fatwa mengandungi seorang Pengerusi, dua orang daripada anggota Majlis dan tidak kurang dari dua atau lebih dari enam orang Islam lain yang patut dan layak yang bukan menjadi anggota Majlis.⁴ Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa yang lain dari Pengurusnya juga dilantik oleh DYMM bagi

1. Ibid. S. 28

2. Ibid. S. 35

3. Ibid. S.36(3)

4. Ibid. S. 36(1)

sekian nasa yang difikirkan patut.¹ Korang didalam persidangan Jawatankuasa Fatwa terdiri dari Pengerusi dan dua orang ahli yang lain seorang darinya bukan menjadi anggota Majlis.² Mana-mana orang boleh menghantar surat yang dialamatkan kepada Setiausaha Majlis meminta supaya Majlis mengeluarkan fatwa atau hukum atas sesuatu masaalah Hukum Syarak. Apabila diterima permintaan demikian hendaklah Setiausaha sampaikan perkara itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa dengan serta merta.³ Jawatankuasa Fatwa hendaklah membincangkan permintaan demikian, kecuali pada fikirannya masaalah yang dibentang itu hanya karut atau dengan apa-apa sebab lain yang baik tidak patut diberi jawapan. Kemudian hendaklah Pengerusi bagi pihak dan dengan nama Majlis mengeluarkan suatu fatwa yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Fatwa.⁴ Majlis bolehlah pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan menyiarkan apa-apa fatwa atau keputusan diatas mana-mana masaalah tersebut.⁵ Jawatankuasa Fatwa juga hendaklah memberi pendapatnya dan mengesahkan pendapat itu jika mana-mana Mahkamah Sibil yang memerlukan keputusan mengenai Undang-Undang Islam meminta pendapat Majlis.⁶ Apabila mengeluarkan sesuatu fatwa, maka Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut kaul yang muktamad daripada Mazhab Shafi'i.⁷ Tetapi jika Majlis atau Jawatankuasa

-
1. Ibid., S. 36(2)
 2. Ibid., S. 36(5)
 3. Ibid., S. 37(1)
 4. Ibid., S. 37(2)
 5. Ibid., S. 37(3)
 6. Ibid., S. 37(4)
 7. Ibid., S. 38(1)

Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut kaul yang muktamad itu akan menjadi berlawanan dengan muslihat orang ramai, maka Majlis atau Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut kaul yang dhaif daripada Mazhab Shafi'i melainkan sekiranya DYMM bertitah berlawanan dengannya. Selanjutnya jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut samada kaul yang muktamad ataupun kaul yang dhaif dari Mazhab Shafi'i itu akan menjadi berlawanan dengan muslihat orang ramai, maka Majlis atau Jawatankuasa Fatwa, dengan mendapat izin yang khas dari DYMM, mengikut mana-mana satu kaul daripada Mazhab yang tiga lagi, iaitu Hanafi, Maliki dan Hambali mengikut bagaimana yang difikirkan sesuai. Tetapi didalam mana-mana fatwa yang demikian, maka peruntukan-peruntukan dan prinsip-prinsip yang akan diikuti itu hendak diterangkan dengan sejelas-jelasnya dan dengan semua huraiyan yang mustahak.¹ Segala fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah, jika sekiranya DYMM bertitah demikian, disiar-kan didalam Warta Kerajaan dan dari ketika itu mengikut semua orang Islam yang tinggal didalam negeri ini.²

Bidangkuasa Mahkamah Kadhi didalam hal Wakaf.

Penubuhan dan Bidangkuasa.

DYMM Sultan hendaklah, setelah mengadakan perundingan dengan Majlis, melantik seorang Kadhi Besar, Kedah, dan hendak-lah juga melantik Kadhi-Kadhi bagi kawasan-kawasan yang ditetapkan.

1. Ibid, Proviso. S. 38(1)

2. Ibid, S. 38(2)

Semua perlantikan itu hendaklah disiarkan didalam Warta Kerajaan.¹ Dengan nasihat Majlis, DYMM bolehlah dari suatu masa kesuatu masa mengurniakan surat-surat tauliah kepada mana-mana Kadhi Besar atau Kadhi dan ia bolehlah juga dengan mengikut syarat-syarat surat itu menghadkan perjalanan mana-mana kuasa yang dikurniakan kepada Kadhi Besar atau Kadhi oleh Eneknen ini.²

DYMM bolehlah, dengan pemberitahu didalam Warta Kerajaan menubuhkan sebuah Mahkamah Kadhi Besar bagi negeri ini,³ dan juga Mahkamah-Mahkamah Kadhi ditempat-tempat yang difikirkan patut dan menetapkan sempadan-sempadan tempatan bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah itu.⁴

Mahkamah Kadhi Besar hendaklah mempunyai kuasa diseluruh negeri ini dan hendaklah diketuai oleh Kadhi Besar.⁵ Mahkamah Kadhi pula diketuai oleh Kadhi dan mempunyai bidangkuasa untuk mengadili perkara-perkara sibil dan jenayah yang berbangkit didalam sempadan-sempadan tempatan bidangkuasa pengadilan yang ditetapkan baginya atau jika sempadan-sempadan tempatan itu tidak ditetapkan, maka ia mempunyai bidangkuasa didalam negeri ini.⁶ Perkara-perkara wakaf termasuk didalam bidangkuasa sibil Mahkamah-Mahkamah Kadhi dan Kadhi Besar.⁷

Didalam bidangkuasa sibinya Mahkamah Kadhi boleh membicarakan kes-kes berkaitan dengan wakaf, dimana jumlah

1. Ibid., S. 39(1)

2. Ibid., S. 39(2)

3. Ibid., S. 40(1)

4. Ibid., S. 40(2)

5. Ibid., S. 41(1)

6. Ibid., S. 41(2)

7. Ibid., S. 41(3)(b)(iv)

wang didalam perbalahan atau harga perkara (didalam perbalahan) itu tidak lebih dari seribu ringgit atau tidak dapat dinilaikan harganya dengan wang.¹

Mahkamah Kadhi Besar, didalam bidangkuasa sibinya mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan pembicaraan berkaitan dengan wakaf.² Dengan syarat bahawa ianya (Mahkamah Kadhi Besar) tidaklah lazimnya membicara manapun kesalahan atau mendengar atau memutuskan apa-apa perkara atau pembicaraan yang sesebuah Mahkamah Kadhi mempunyai bidangkuasa.³ Justeru itu Mahkamah Kadhi Besar hanya boleh membincarakan kes-kes wakaf dimana jumlah wang atau nilai harta didalam perbalahan melebihi seribu ringgit.

Rayuan

Rayuan dari Mahkamah-Mahkamah Kadhi dan Kadhi Besar hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa Ulang Bicara yang terdiri dari tiga orang yang dipilih oleh Yang diPertua dari Jamaah Rayuan. Jamaah Rayuan mengandungi tujuh orang Islam atau lebih yang layak, yang dilantik oleh DYMM pada tiap-tiap tahun.⁴

Rayuan didalam kes sibil boleh dibuat:

- i) Oleh seseorang yang tidak puashati dengan keputusan Mahkamah Kadhi atau Kadhi Besar, jika jumlah wang didalam persoalan rayuan itu tidak kurang dari seratus ringgit;

1. Ibid. S. 41(4)(b)
2. Ibid. S. 41(3)(b)(iv)
3. Ibid. Proviso S. 41(3)
4. Ibid. S. 42(1)

ii) didalam semua perkara yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf dirinya oleh seorang yang tidak puashati dengan keputusan itu.

Dengan syarat bahawa permohonan rayuan itu tidak boleh di-perbuat terhadap keputusan yang dibuat dengan persetujuan.¹ Apabila rayuan dibuat, Jawatankuasa Ulangbicara boleh, didalam sesuatu perkara sibil mengesahkan, membalik atau mengubah keputusan mahkamah yang membicarakannya, menjalankan apa-apa kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah pembicaraan, membuat apa-apa perintah yang patut dibuat oleh Mahkamah pembicaraan, atau memerintahkan pembicaraan semula. Dengan syarat bahawa rayuan tidak boleh dipohonkan terhadap pengakuan salah kecuali berkenaan dengan kadar atau sahnya hukuman itu.² Permohonan untuk rayuan atau permintaan mendapatkan kebenaran memohon rayuan hendaklah diperbuat dengan memberi atau memasukkan notis atau petition, atau dengan apa-apa cara lain yang akan ditetapkan, didalam tempuh empat belas hari selepas hukuman atau keputusan dibuat.³ Dengan syarat bahwa Jawatankuasa Ulangbicara tatkala mendengar sesuatu permintaan kebenaran memohon rayuan boleh dengan alasan-alasan yang khas melanjutkan masa memasukkan permohonan rayuan itu walaupun tempuhnya telah tamat.⁴

1. Ibid, S. 42(2)(b)

2. Ibid, S. 42(4)(b)

3. Ibid, S. 42(5)

4. Ibid, Proviso S. 42(5)

Organisasi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam

Tujuan disini bukannya untuk mengkaji keseluruhan organisasi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Kedah (JHEUI).

Apa yang akan dititikberat ialah organisasinya berhubung dengan wakaf.

Jabatan ini diketuai oleh Yang diPertua dan dibantu oleh seorang setiausaha yang digelar Setiausaha JHEUI.

Segala keputusan dasar mengenai wakaf mestilah diluluskan oleh kedua orang pegawai ini sebelum ianya disahkan oleh Majlis. Walaupun kelulusan Yang diPertua dimestikan, ianya merupakan suatu formaliti sahaja. Tandatangannya menandakan kelulusan muktamad diperingkat pentadbiran. Setelah kelulusan Yang diPertua didapati, semua wakaf hendaklah dipersetujui pula oleh Majlis.

Setiausaha Jabatan menjadi pegawai tertinggi sebenarnya yang meneliti segala dokumen wakaf. Ia memeriksa dokumen dokumen itu supaya semua peraturan-peraturan pentadbiran yang perlu, diikuti dan disempurnakan. Setelah ia berpuashati, maka barulah dokumen-dokumen itu dihantar kepada Yang diPertua untuk disahkan olehnya.

Pegawai yang bertanggungjawab secara langsung dengan semua hal ehwal wakaf dan yang memainkan peranan yang penting ialah Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf. Ia dibantu oleh seorang penyelia yang juga bertugas sebagai kerani. Sebagai salah seorang anggota Majlis, Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf melapurkan kepada

Majlis segala penerangan yang diperlukan mengenai wakaf. Jika timbulnya sesuatu masalah mengenai mana-mana wakaf yang difikirkan perlu diselesaikan oleh Majlis, Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf akan membawa perkara ini kepada pengetahuan Majlis untuk diperbincangkan dan dipertimbangkan. Misalnya, masalah wakaf Tuan Sheikh Mohammad Idris telah dirojok ^{kan} kepada Majlis oleh Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf dan ^{se} telah diperbincangkan, Majlis telah membuat keputusan untuk menyerahnya balik kepada waris-waris.¹ Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf juga menjadi pegawai yang memproses segala permohonan kepada Majlis untuk mengujudkan wakaf.

Peranan DYMM Sultan sebagai Ketua Ugama Islam

DYMM ialah Ketua Ugama Islam didalam negerinya² dan mempunyai wewenang kebatinan dan disiplin, termasuk kedaulatan kemaafan (^rprivy) ^v(pre)vogative of mercy), keatas rakyatnya. DYMM mempunyai kuasa bertindak menurut budibicaranya pada menjalankan tugas-tugas hal ehwal Ugama Islam didalam negeri termasuk wakaf. Dengan kuasa ini dikehendaki bahwa tiap-tiap wakaf khas yang diperbuat kemudian daripada berkuatkuasanya Enekmen supaya mendapat keizinan dan disahkan dengan tulisan oleh DYMM.³ Jika keizinan dan pengsahan ini tidak didapati, maka tiap-tiap wakaf khas itu menjadi tidak sah kecuali wakaf itu diperbuat pada


1. Lihat Bab II, m.s 52

2. The Law of The Constitution of Kedah, incorporating all amendment up to 21st. June, 1962, s. 39(2)(d). Lihat juga Perlembagaan Malaysia, Per. 3(2).

3. Enekmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah, 1962 (No.9). s. 92(2)(a)

ketika sakit teruk dan kemudian pembuatnya mati, dan pembuatan itu dengan surat yang ditandatangani olehnya (simati) sendiri serta disaksikan oleh dua orang Islam yang dewasa dan salah seorang daripadanya ialah Penghulu, Pegawai Mesjid atau Panglima yang tinggal semukim dengan orang yang membuat itu.¹ Selanjutnya jika tiada orang-orang yang tersebut diatas, maka mana-mana orang Islam dewasa yang lain yang tidak berhak mendapat kepentingan yang mendarangkan faedah didalam pesaka orang yang membuat itu jika pembuat itu mati tanpa wasiat, hendaklah menjadi seorang saksi yang layak.² Didalam pentadbiran harian, semua wakaf khas, setelah dipersetujui oleh Majlis, dipersembahkan kepada DYMM untuk mendapat pengesahan khas darinya. Cap Mohor Sultan menandakan pengesahannya.

Hiraku Organisasi



1. Ibid, S.92(2)(b)

2. Ibid, Proviso S. 92(2)(b)

Pentadbiran Peringkat Pusat

Saperti dinyatakan terlebih awal, pentadbiran wakaf secara langsung diselenggarakan oleh Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf. Tugas Pegawai ini antara lain ialah menproseskan permohonan untuk neujudkan wakaf.

Apabila seorang bakal wakif meneruinya atau dirojokkan kepadanya untuk membuat sesuatu wakaf am atau khas, perkara yang pertama disoalkan ialah apakah benda atau harta yang hendak diwakafkan itu. Jika benda itu berupa tanah (saperti yang menjadi kebiasaan), maka Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf akan membuat siasatan adakah bakal wakif mempunyai hakmilik yang sempurna ke atas harta itu. Bakal wakif diberi nasihat apa yang harus dilakukan jika hakmiliknya, belum disempurnakan. Setelah hakmilik sempurna, borang wakaf diisikan dan bakal wakif dikehendaki melafazkan niatnya,¹ disaksikan oleh dua orang saksi. Majlis menyediakan dua jenis borang berasingan untuk wakaf am dan wakaf khas. Didalam borang wakaf khas, dinyatakan bahawa 15% dari perolehan bersih dari tanah wakaf itu diserahkan kepada Majlis bagi kegunaan perbelanjaan pentadbiran. Ini menjadi syarat bagi semua wakaf khas dan bakal wakif dikehendaki menyebutkannya apabila ia melafazkan niatnya.²

Semua borang wakaf khas dan am yang siap diisi dan ditandatangani oleh pihak-pihak berkenaan, dihantar kepada Setia-

-
1. Lafaz wakaf disediakan didalam borang dan bakal wakif dikehendaki membacanya. Lihat Lampiran
 2. Lihat Lampiran A. Juga lihat keputusan Jawatankuasa Fatwa pada 1.5.66.

usaha Jabatan untuk diteliti dan diperiksa semula sebelum mendapat kelulusannya. Sebagai pegawai penyelares, Setiausaha Jabatan mempunyai tugas meneriksa suratan-suratan wakaf supaya iaanya kenaskini dan tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan undang-undang tanah. Mungkin terdapat kepentingan yang bertentangan diantara undang-undang tanah dan syariah. Pada peringkat ini Setiausaha Jabatan bertenggungjawab untuk memastikan supaya kedua keperluan adat dan syariah dipuaskan. Kenudian borang-borang ini dibawa kepada Yang diPertua untuk mendapat kelulusan muktamad diperingkat pentadbiran.

Pada peringkat jawatankuasa, Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, mempunyai kuasa meneliti semua wakaf yang hendak diujudkan. Segala pekerjaan Majlis, termasuk yang berhubung dengan wakaf, dijalankan didalam suatu persidangan mesyuarat yang mengikut peraturan dan dengan keputusan suara ahli yang terbanyak yang hazir serta berhak mengundi.¹ Ketetapan dengan tulisan yang ditandatangani oleh kesemua anggota Majlis, kecuali didalam apa-apa perkara yang khas yang DYMM mencintahkan dengan jalan lain, hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti ketetapan yang telah disahkan menurut seksyen 21(1)². Dokumen-dokumen wakaf yang diluluskan oleh Majlis dime terikan dengan mohor tubuh Majlis.³ Akhirnya dokumen-dokumen ini diperserahkan kepada DYMM untuk disahkan.⁴ Wakaf an tidak memerlukan

1. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah, 1962, S.21(1)

2. Ibid, S. 21(2)

3. Ibid, S. 20(3)(a)

4. Ibid, S. 92(2)(a)

peraturan ini. Hanya pengesahan Majlis dikehendaki.

Apabila sempurna peraturan-peraturan diatas, Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf nula mengambil tindakan (dengan kerjasama wakif) untuk menindahmiliki harta wakaf kepada Majlis. Tanah wakaf yang hendak dipindahmiliki kepada Majlis mestilah mematuhi peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara. Borang pindahmilik diisikan dan bersama dokumen-dokumen wakaf dan geran tanah dihantar kan kepada Pejabat Tanah untuk dikuatkuasakan pindahmilik. Semua geran tanah wakaf disimpan dipejabat pusat.

Kewangan

Sebagai pemegang ananah tunggal bagi semua wakaf didalam negeri, Majlis mempunyai kuasa mentadbirkan kewangan yang timbul dari harta-harta wakaf.

Suatu Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Pentadbiran ditubuhkan. Kumpulanwang Pentadbiran ini mengandungi semua wang dan hartabenda alih dan takalih, yang mengikut Hukum Syarak atau menurut Enekmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat dibawanya, ada termasuk atau didermakan oleh seseorang ataupun kena bayar kepada Kumpulanwang ini.¹ Semua wang dan hartabenda didalam Kumpulanwang Pentadbiran ini terserah kepada pegangan Majlis dan Majlis dikehendaki mentadbirkannya semua wang dan hartabenda itu.² Dengan ini Majlis mempunyai kuasa melaburkan wang dan hartabenda didalam pegangannya.

1. Ibid, S. 89(1)

2. Ibid, S. 89(3)

Pendapatan dari wakaf am dimasukkan kedalam dan menjadi sebahagian dari Kumpulanwang Pentadbiran An.¹ Mengenai wakaf khas, Majlis telahpun membuat peraturan supaya semua pendapatan dari wakaf khas diserahkan kepada terlebih dahulu dan setelah ditolak 15% darinya bagi perbelanjaan pentadbiran, pendapatan ini diserahkan semula kepada pihak-pihak berkenaan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung didalam wakaf khas itu.²

Tetapi harta modal dan aset mengenai mana-mana wakaf am yang sah tidaklah menjadi sebahagian dari Kumpulan wang Pentadbiran An, Ianya hendaklah digunakan mengikut maksud wakaf am itu dan dipegang sebagai kumpulanwang yang berasingan. Peruntukan diatas berkuatkuasa tertakluk kepada prinsip-prinsip bahawa:

- i) jika oleh kerana jangkauan masa atau perubahan keadaan, maka tidak lagi dapat dijalankan dengan berfaedah peruntukan-peruntukan tepat wakaf itu, Majlis hendaklah menyediakan suatu rancangan bagi menggunakan harta dan aset-aset itu mengikut suatu cara yang sehampir-hampir sama dengan yang dikehendaki oleh syarat-syarat wakaf itu.³

Prinsip ini serupa dengan prinsip cypres yang terdapat didalam undang-undang amanah Inggeris, Selanjutnya Majlis boleh, dengan kebenaran bertulis dari DYMM nengarahkan supaya harta-harta itu di-

1. Ibid, S. 93(2)

2. Ibid, S. 93(1). Juga lihat Aturan-Aturan Jawatankuasa Kariah, 1969.

3. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah, 1962 (no. 9).

masukkan kedalam dan menjadi sebahagian dari Kumpulanwang Pentadbiran An.

- ii) jika syarat-syarat nane-nane wakaf an itu tidak mengandungi cara penggunaan harta nodal dan aset yang **topat**, atau cara penggunaan itu tidak jelas, maka Majlis boleh mengarahkan supaya harta nodal dan aset-aset itu dinasukkan kedalam atau menjadi sebahagian dari Kumpulanwang Pentadbiran An.¹

Akaun

Majlis dikehendaki menyimpan akaun yang penuh dan betul bagi Kumpulanwang Pentadbiran An dan dengan seberapa segera yang boleh selepas 3hb Disenbar, pada tiap-tiap tahun, mengeluarkan dan menyiarkan didalam Warta Kerajaan, suatu pernyataan mengenai semua pergerakan Majlis bagi tahun yang lalu bersama-sama dengan lembaran imbangan Kumpulanwang Pentadbiran An seperti yang terdapat pada 3hb Disenbar, suatu akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu dan satu senarai harta-harta dan pelaburan-pelaburan Kumpulanwang Pentadbiran An yang menunjukkan harga pembelian dan nilai anggaran sebagaimana yang terdapat pada 3hb Disenbar.² Lembaran imbangan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan-pelaburan ini mestilah dicidit dan disahkan oleh Juruudit Negara sebelum ianya dikeluarkan. Suatu salinan surat akaun

1. Ibid, S. 94(3)

2. Ibid, S.96

juruudit juga dikehendaki dikepalkan kepada semua salinan penyata dan akaun yang dikeluarkan.¹ Majlis dengan seberapa segera yang boleh selepas 3hb Disember pada tiap-tiap tahun dikehendaki menyediakan, mengluar dan menyiarkan didalam Warta Kerajaan, suatu senarai yang mengandungi semua harta, pelaburan dan aset yang terserahmilik kepadanya, yang berhubung dengan nana-nana wakaf yang tidak nonjadi sebahagian dari Kumpulanwang Pentadbiran Am. Senarai ini juga dikehendaki supaya dioditkan.²

Pada analanya sehingga sekarang, Majlis belum lagi dapat menyediakan senarai seperti diperuntukkan diatas.³ Ini adalah kerana Majlis masih didalam proses menghimpunkan segala maklumat dan data mengenai harta wakaf yang bertaburen didalam negeri. Pada pengetahuan penulis masih banyak lagi harta yang diwakafkan oleh orang-orang individu yang belum sampai kepada pengetahuan Majlis. Kebanyakan darinya merupakan harta-harta wakaf khas kepada keluarga siwakif sendiri. Beberapa faktor menyebabkan hal ini berlaku; antaranya ialah kejahilan orang ramai amnya dan keluarga wakif sendiri khasnya, mengenai peruntukan undang-undang yang menerlukan supaya semua harta wakaf diserah-milik kepada Majlis. Sebahagian kecil sahaja dari orang-orang Islam dinegeri ini mengetahui bahawa Majlis adalah pemegang aranah tunggal bagi semua wakaf. Tambahan kepada perkara-

1. Ibid. S. 97.

2. Ibid. S. 98.

3. Temuramanah dengan Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf pada 4.5.76.

ini diperdayai bahawa dikalangan orang-orang Islam dinegeri ini ada segolongan yang menyembunyikan harta-harta wakaf dari pengetahuan Majlis supaya mereka boleh terus mendapat faedah maksima dari hasilnya. Juga perkara ini berlaku kerana kurang penerangan pihak Majlis sendiri. Sebenarnya kekurangan penerangan menyebabkan kejahilan dikalangan orang-orang ramai. Justeru itu difikirkan bahawa Majlis perlu mengambil tindakan positif bagi menggiatkan lagi kegiatan bahagian penerangannya. Adalah disarankan supaya diperbanyakkan lagi penerangan melalui khutbah-khutbah Jumaat, syarahan-syarahan uggama, risalah-risalah dan poster-poster.

Selain dari ini diwangi bahawa Majlis kurang membuat penyelidikan untuk mendapat maklumat-maklumat dari orang ramai tentang harta-harta wakaf yang ujud. Didalam hal ini Majlis nenghadapi masalah kekurangan kakitangan kerana Setiausaha Wakaf juga menjadi Setiausaha Baitul-Mal. Tugas yang dibebani oleh pegawai ini terlalu berat kerana kedua cawangan ini memerlukan kerja-kerja pengkhususan. Tambahan pula ianya mempunyai hanya seorang penyelia untuk membantunya didalam hal-hal wakaf dan Baitul-Mal. Faktor ini juga menyebabkan Majlis tidak dapat menguasakan Aturan-Aturan Jawatankuasa Karich (AJK) Tahun 1969 dan juga arahan-arahan yang dibuat dibawahnya.¹ Menandangkan bahawa hanya 30 buah masjid² dari lebih kurang

1. Arahan 1(a) dibawah Peraturan 15(2) AJK 1969. Juga lihat Bab II n.s.

2. Lihat senarai didalam Bab II, n.s. 46 dan 47.

400 buah diseluruh negeri, yang menghantar maklumat-maklumat mengenai harta wakaf khasnya kepada Majlis, disini ditegaskan supaya Majlis perlu mengambil tindakan keras untuk menguatkuaskan AJK 1969. Cadangan penulis ialah supaya Majlis mengemukakan masaalah kekurangan kakitangan ini kepada Kerajaan Negeri dan jika perlu membuat pengesuran supaya diperbincangkan masaalah ini didalam Dewan Perundangan Negeri. Didalam hal ini kerjasama DYMII sebagai ketua Ugama Islam didalam negeri adalah perlu.

Mengenai lain-lain tanah wakaf, Majlis perlu membuat suatu survey diseluruh negeri untuk mendapat maklumat-maklumat yang tepat. Walaupun rancangan ini akan menelan perbelanjaan yang agak banyak, iaanya dapat diminimakan dengan cara Majlis menghubungi pihak universiti-universiti didalam negeri untuk mendapat kerjasama mana-mana fakulti supaya menjalankan kajian seperti yang pernah dibuat oleh Majlis Ugama Islam, Pulau Pinang.¹

Lain-Lain Tugas Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf

Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf juga menjalankan tugas menghaziri pembicaraan kes-kes wakaf di Mahkamah-Mahkamah Kadhi dan Kadhi Besar. Walaupun perkara ini menjadi bidangkuasanya, Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf tidak pernah menghaziri mana-mana pembicaraan mengenai wakaf diperingkat Mahkamah Syariah.

1. Untuk maklumat selanjutnya, sila lihat Laporan mengenai Kajian Harta Wakaf Majlis Ugama Islam di Pulau Pinang." Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Oktober, 1975.

Dengan bantuan seorang penyelianya, Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf juga menjalankan tugas-tugas saperti dibawah:

1. Memungut hasil dari harta-harta wakaf.
2. Menyelia harta-harta wakaf.
3. Menyelia dan mengatur pekerja-pekerja yang menjayakan tanah-tanah wakaf.
4. Memajukan rancangan-rancangan wakaf jemba, tabung ibadat wakaf, wakaf kenangan Maulid dan lain-lain rancangan berhubung dengan wakaf.
5. Berikhtiar supaya tiap-tiap mesjid mempunyai wakaf khasnya sendiri. Didalam hal ini Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf bekerja rapat dengan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kariah dan juga Kadhi-Kadhi Daerah.
6. Memberi keterangan yang lanjut kepada orang ramai mengenai wakaf.

Pada Peringkat Daerah¹²

Diperingkat Daerah, pentadbiran wakaf diselenggarakan dengan bantuan Kadhi-Kadhi Daerah. Negeri Kedah mempunyai sebelas orang Kadhi Daerah dan mereka mempunyai bidangkuasa tempatan di-dalam daerah masing-masing. Tugas Kadhi-Kadhi didalam hal wakaf ialah menjayakan rancangan-rancangan yang dibuat diperingkat pusat. Dari aspek ini, Kadhi-Kadhi menjalankan arahan-arahan

-
1. Fail Baitul-Mal dan Wakaf Majlis (K) 810
 2. Temuramah dengan Kadhi Daerah Pendang pada 20hb Mac, 1976, dan Kadhi Daerah Kuala Muda dan Kota Setar pada 10hb April, 1976.

Ini adalah kerana jika ada apa-apa kes wakaf yang timbul, biasanya perkara ini diselesaikan diluar mahkamah. Misalnya, dikawasan Pendang, didapati bahawa sebidang tanah seluas lima relong yang merupakan wakaf untuk tapak masjid, telah dipergunakan oleh orang ramai untuk mendirikan rumah-rumah kediaman. Rumah-rumah ini telah didirikan lebih kurang duapuluh tahun yang lampau tanpa kesedaran bahawa ianya tapak masjid. Setelah disiasat oleh Kadhi, ia telah memberitahu keadaan sebenarnya kepada tuan-tuan rumah tersebut. Pada mulanya mereka enggan berpindah dari tempat itu, tetapi setelah perjumpaan diadakan dengan beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pejabat Tanah dan setalah diterangkan akibatnya, maka mereka bersetuju berpindah ^{tempat} dari ^{tempat} itu. Inilah satu contoh kes dimana masaalah wakaf diselesaikan sebelum ianya sampai ke Mahkamah Syariah. Beberapa kes wakaf diselesaikan dengan cara ini oleh Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf dengan bantuan Kadhi-Kadhi Daerah.¹

Selanjutnya, adalah menjadi tugas Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf untuk menyiasat harta-harta wakaf dan perolehan darinya. Dari masa kesemasa, pegawai ini keluar untuk melawat kawasan-kawasan dinana terletaknya harta-harta wakaf. Disana ia mengawasi penanaman yang dijalankan. Juga jika didapati apa-aduan atau maklumat mengenai mana-mana harta wakaf, Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf akan pergi menemui orang-orang berkenaan untuk menyiasat hal ini.

1. Temurahan dengan Kadhi Daerah Pendang pada 20hb Mac, 1976,
Lihat juga penyelesaian masaalah Mesjid Kota Kuala Muda, Bab II n.s. 48.

yang diterima dari pejabat pusat. Dari segi penyebaran Ugama Islam pula, Kadhi-Kadhi memainkan peranan memberi ucapan di-mesjid-mesjid dan perhimpunan-perhimpunan ramai dan memperedarkan risalah-risalah yang dibuat dipusat. Didalam ucapan-ucapan mereka Kadhi memberi penerangan mengenai wakaf dan peranannya didalam masyarakat Islam.

Untuk menjalankan rancangan wakaf jemba Majlis, tiap-tiap orang Kadhi diberi geran tanah yang termasuk didalam rancangan ini. Majlis mengangkat Kadhi-Kadhi sebagai wakilnya secara formal untuk menjual yunit-yunit dan bertindak sebagai penerima wakaf. Segala dokumen yang berkaitan diserahkan bersama. Biasanya Kadhi menghubungi imam-imam mesjid didaerahnya untuk menghimpunkan ahli-ahli kariah supaya ia (Kadhi) dapat memberi penerangan. Penerangan juga diberi pada Hari-Hari Jumaat sebelum menunaikan fardhu Jumant. Pada masa penerangan-penerangan ini, imam-imam disuruh mencatatkan nama-nama orang yang ingin membeli yunit-yunit tersebut untuk diwakafkan. Setelah ia menerima beberapa nama, Kadhi menetapkan hari untuk pembelian yunit-yunit. Lafaz wakaf dibuat dihadapannya dan saksi-saksi yang diperlukan. Segala wang dan dokumen yang disisikin dihantar kepusat.

Kadhi Daerah juga memainkan peranan didalam mengujudkan lain-lain jenis wakaf. Oleh kerana hubungannya dengan orang ramai didaerahnya lebih rapat dan dekat, ia merupakan pegawai yang lebih sesuai untuk memberi nasihat mengenai sesuatu wakaf yang hendak diujudkan, dan juga menyaksikan lafaz wakaf itu.

Biasanya Kadhi akan meminta geran tanah dari bakal wakif dan kemudian menyuruhnya melafazkan tujuannya dihadapnya (Kadhi), disaksikan oleh dua orang.

Peranan Jawatankuasa Kariah

Tugas-tugas Jawatankuasa Kariah diperuntukkan didalam AJK Tahun, 1969, yang dibuat dibawah seksyen 113 Enakmen. Jawatankuasa Kariah bersama-sama dengan pegawai-pegawai mesjid tempatan bertanggungjawab tentang tanah-tanah wakaf dan kubur-kubur orang Islam didalam Kariah mesjid, serta menyeliakan penyelenggaraan dan penjagaannya.¹ Juga Jawatankuasa Kariah hendaklah melarang sebarang pembinaan diatas tanah-tanah wakaf dan kubur-kubur melainkan pembinaan itu dengan kebenaran bertulis dari Majlis.² Selanjutnya Jawatankuasa ini hendaklah memberitahu kepada Majlis apa-apa perbuatan yang melanggar undang-undang yang dilakukan diatas tanah-tanah wakaf atau kubur.³

Jawatankuasa Kariah juga bekerja rapat dengan Kadhi-Kadhi Daerah dan Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf didalam usaha untuk menjalankan kempen supaya ahli-ahli kariah mewakafkan tanah dan lain-lain harta kepada mesjid.⁴ Penyelenggaraan tugas ini untuk membanyakkan lagi harta wakaf dijalankan lebih diatas inisiatif Jawatankuasa Kariah sendiri.⁵ Biasanya ahli-ahli

1. Aturan Jawatankuasa Kariah, Tahun 1969. Peraturan 8(5)

2. Ibid, Peraturan 8(6)

3. Ibid, Peraturan 8(7)

4. Lihat n.s 95

5. Lihat juga kegiatan mesjid Kota Kuala Muda, Bab II n.s 47 dan 48.

Jawatankuasa Kariah (JK) sendiri menjalankan kempen dari rumah kerumah untuk menggalakkan ahli-ahli kariahnya mengamalkan ibadat wakaf. Kadangkala JK memberi kursus-kursus dakwah kepada belia-belia dan setelah tamat kursus, mereka pergi dari rumah kerumah untuk menjalankan dakwah menggalakkan orang ramai berwakaf.¹

Peranan yang dimainkan oleh JK didalam membanyakkan lagi harta wakaf dikawasannya adalah lebih kerkesan, kerana mereka lebih mengetahui siapa yang hendak ditemuinya untuk menjalankan kempen. Penglibatan mereka adalah secara pribadi dan biasanya ahli-ahli JK yang berpengaruh dapat meyakinkan hartawan-hartawan dikawasannya.

Pada umumnya, penerangan kepada orang ramai dijalankan juga oleh Bahagian Penerangan JHEUI. Bahagian Penerangan sering kali pergi kekawasan pendalaman untuk memberi penerangan umum termasuk wakaf. Penerangan diberi melalui syarahan-syarahan, sebaran risalah-risalah dan buku-buku kecil dan juga tayangan gambar.

Suatu Pandangan

Penulis ingin nerjok kepada sekseyn 90(2) Enekmen yang memperuntukkan bahawa Majlis hendaklah menjadi pemegang ananah tunggal bagi semua wakaf, semada wakaf an atau wakaf khas.

Peruntukan seksyen ini dengan tersendiri menjadikan Majlis sebagai pemegang ananah bagi semua wakaf yang diujudkan dan

1. Temuramah dengan Tuan Haji Saidin, Inan Mesjid Al-Amin, Sungai Layar, Sungai Petani, Kedah, pada 17hb, April, 1976.

akan diujudkan tanpa menghiraukan syarat-syarat yang terkandung didalam dokumen atau lafaz wakaf. Syarat-syarat yang memerlukan perlantikan nana-nana orang sebagai pemegang aranah bagi nana-nana wakaf an atau wakaf khas dengan sendirinya tidak berkuatkuasa. Persoalan yang timbul ialah patutkah diahaikan kehendak wakaf yang diperuntukkan didalam dokumen atau lafaz wakaf? Mengikut al-Nawawi apabila wakif mengekalkan kuasa pentadbir harta wakaf pada dirinya sendiri atau jika ia memberikan kuasa itu kepada pihak ketiga, syarat atau peruntukan ini mestilah dikuatkuasakan, tetapi jika perkara ini tidak diperuntukkan, pentadbiran hendaklah dianamahkan kepada Kadhi, yang mempunyai kuasa melantik seorang nazir aranah.¹ Dengan itu kita boleh mengatakan bahawa seksyen 90(2) bertentangan dengan prinsip diatas. Walaupun peruntukan statut terpakai apabila didapati pertentangan seperti ini, kita harus menyayal apakah tujuan diujudkan seksyen 90(2) dan apakah yang ingin dicapai oleh pengubal dengan peruntukan ini? Jika apa yang ingin dicapai ialah pengawasan yang rapi oleh Majlis terhadap harta-harta wakaf supaya penyalahgunaan tidak berlaku, maka penulis berpendpat cara ini tidak begitu berkesan kerana ia nendatangkan nasaalah yang rumit kepada Majlis sendiri dan juga penerima-penerima wakaf, dan memerlukan perbelanjaan yang banyak oleh Majlis. Misalnya, untuk mematuhi seksyen ini, Majlis

1. Nawawi; Op.cit, m.s 233

telah membuat peraturan supaya semua hasil dari wakaf khas dihantarkan kepadanya terlebih dahulu dan setelah ditolak 15% untuk perbelanjaan pentadbiran barulah pendapatan ini diberikan kepada penerima-penerinanya. Cara ia mendatangkan kesulitan kepada penerima-penerima yang tinggal jauh dari pejabat pusat dan juga melambatkan pembahagian kepada mereka.

Kedua, pada amalan sebenarnya, banyak penerima-penerima wakaf khas seperti mesjid-mesjid tidak mematuhi peraturan ini dan Majlis tidak dapat menguatkuasakannya dengan berkesan. Juga didapati beberapa wakaf dikecualikan dari peruntukan seksyen 90(2) ini. Misalnya wakaf khas kepada Maktab Mahmud dikecualikan dan Majlis bukannya penegang amanah kepada wakaf ini. Dengan ini Majlis meletakkan piawaian yang berlainan kepada pihak-pihak yang tertakluk dibawah undang-undang yang sama. Dari segi keadilan, perkara ini tidak harus diluluskan.

Ketiga, apabila Majlis menjadi penegang aranah kepada tanah wakaf, ia terpaksa membayar cukai tanah pada tiap-tiap tahun. Kita dapat beberapa keadaan dinana tanah wakaf tidak mendatangkan apa-apa hasil kepada Majlis. Justeru itu pembayaran cukai tanah merupakan perbelanjaan hangus. Ini merugikan Majlis.

Akhirnya, didapati keadaan dinana Majlis membuat keputusan menyerahkan balik wakaf anak-cucu (keluarga) untuk ditadbirkan

oleh waris-waris wakif.¹ Nampaknya disini Majlis sendiri bertindak berlawanan dengan peruntukan seksyen 90(2).

Faktor-faktor diatas menunjukkan bahawa seksyen 90(2) lebih membawa kesan buruk dari kebaikan. Justeru itu dicadangkan supaya seksyen ini dipinda dan digantikan dengan peruntukan lain yang boleh memberi kenudahan kepada Majlis menjalankan tugas pengawasannya dengan lebih berkesan.

1. Lihat Bab II, m.s 52 dan 53.